



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 21 MAC 2024 (KHAMIS)

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• BULK WASTE COLLECTION

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBSA MPAJ DBKL	• WOMEN HONOURED AT MBSA CAR-FREE EVENT ON IWD • RAMADAN BAZAAR FOOD WASTE TO BE TURNED INTO LIQUID FERTILISER • RAMADAN DONATIONS • NO APPROVAL GIVEN FOR RM10 COLLECTION • TRANSPORT SURVEY

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• ECONOMY LIKELY TO GROW BY 4% TO 5% THIS YEAR
2.	SINAR HARIAN	• 11.5 BILION TRANSAKSI E-PEMBAYARAN • RISIKO STROK HABA • PENDAFTARAN PADU NAIK 1 JUTA • WORLD #QURANHOUR2024 TERIMA RIBUAN PENYERTAAN • INFLASI DIJANGKA ANTARA 2 DAN 3.5 PERATUS
3.	KOSMO	• INDIVIDU TAK DAFTAR PADU MUNGKIN TERLEPAS BANTUAN, SUBSIDI • IMPAK DASAR GAJI PROGRESIF DINILAI SEPTEMBER • BELANJA PROGRAM AMARAN BANJIR RM126j TIDAK BERBALOI • 10 PENJAWAT AWAM DIREMAN, TERIMA RASUAH LEBIH RM3 JUTA
4.	HARIAN METRO	• GUNA AKAUN 'ORANG TENGAH' BAYAR RASUAH • PENGUAT KUASA SPRM DISYAKI RASUAH • BELANJA RM129 JUTA TIDAK BERBALOI : PAC • INDIVIDU TAK KEMAS KINI MAKLUMAT PADU BOLEH TERCICIR TERIMA BANTUAN • RINGGIR DIUNJUR TERUS MENGUKUH
5.	BERITA HARIAN	• RAMALAN BENCANA TIDAK TEPAT, RM129 JUTA UNTUK PROGRAM AMARAN BANJIR FASA 1 TAK BERBALOI : PAC • KELEMAHAN PENGURUSAN PROJEK PUNCA LEWAT • FAKTOR KITARAN PENGARUHI PRESTASI RINGGIT SEJAK 2022 • EKONOMI MALAYSIA ADA RUANG TERUS BERKEMBANG • TRANSAKSI GUNA DUITNOW QR MENINGKAT KEPADA RM14.6b
6.	UTUSAN MALAYSIA	• 10 PENJAWAT AWAM DITAHAN, TERIMA RASUAH LEBIH RM3 JUTA
7.	NEW STRAITS TIMES	• RM129m FLOOD WARNING PROJECT ONLY 5.6pc ACCURATE
8.	THE SUN	• BANK NEGARA : IMPROVED DEMAND, EXPORT RECOVERY TO DRIVE 2024 ECONOMIC GROWTH

BULK WASTE COLLECTION ✓

Subang Jaya City Council (MBSJ) is offering free collection of bulk waste such as mattresses and old furniture at landed properties in conjunction with Hari Raya Aidifitri. Requests for pick up must be made to KDEB Waste Management Sdn Bhd, via phone at 03-8081 4437 or WhatsApp 011-3558 4437, by March 26. Collection period is between March 25 and April 5. Priority will be given to those celebrating the festival. Construction waste, electrical items and recyclables will not be accepted.

THE STAR

21 MAR 2024

Tarikh:.....

Star 21/3 (MBSA)

Women honoured at MBSA car-free event on IWD



Women runners receiving muffins from MBSA councillor Siti Nur Aishah Mohd Zain (second from right) at the Car-Free Day that coincided with International Women's Day.



(From second left) Azura and Asmah joining others on stage to flag off the run.

AN ATHLETICS development programme called Shah Alam Track and Field Academy has been launched.

The programme is conducted in collaboration with Kelab Olahraga Shah Alam (Shah Alam Athletics Club).

The Shah Alam Track and Field Academy offers to train those interested in sprints (100m to 400m), long distance running (800m and above), hur-

dles, walks, long and triple jumps, shot put, discus and javelin.

Training sessions costing RM50 a month will start on April 22 and will be held from 5pm to 6.15pm on Mondays and Thursdays at the Shah Alam National Sports Complex (Panasonic Stadium).

It is open to school-going children and adults aged 18 and above.

Club president Datuk Harjeet Singh and Shah Alam City Council (MBSA) councillor Tengku Ahmad Tengku Kasim represented the club and city council respectively at the launch during MBSA's monthly car-free day.

Held at Dataran Kemerdekaan, Shah Alam, Selangor, on March 10, the event was also an opportunity for MBSA to honour the social,

economic, cultural and political achievements of women.

Women visitors to the event received a muffin each to mark International Women's Day.

The day started with a "Rakan Muda Run" with MBSA deputy secretary (management) Asmah Mohd Zin and Selangor Youth and Sports Department director Azura Sarbin on hand to flag off the participants.

Other activities included

archery contests, a fitness challenge, youth bazaar and lucky draw.

There was also an MBSA mobile counter as well as exhibitions and promotions by various government agencies.

For details on the Track and Field Academy, WhatsApp 019-2021 220 or email athleticsshalam@gmail.com

To register, visit <https://tinyurl.com/ysr9a9f7>

THE STAR

Tarikh: 21 MAR 2024

Ramadan bazaar food waste to be turned into liquid fertiliser

Star
21/3
(MPAJ)

MPAJ's Zero Waste Campaign at Pandan Indah Ramadan bazaar aims to educate visitors on segregating food and non-food waste.



By **SHALINI RAVINDRAN**
shaliniravindran@thestar.com.my

FOOD waste from a Ramadan bazaar in Ampang Jaya, Selangor, will be turned into fertiliser using the local council's anaerobic digestion (AD) machine.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) president Dr Ani Ahmad said leftover or discarded food would be collected from the Pandan Indah Ramadan bazaar daily to be processed into liquid fertiliser.

"In anticipation of the increase in food waste during this period, we want to avoid at least a portion going straight to the landfill.

"After the waste is collected, it will be sent to our AD facility in Jalan Kolam Ayer Lama.

"It is a pilot project, which is why we focus on this particular

bazaar first," she told *StarMetro*.

"The AD machine is able to process 500kg of food waste in a day.

"We also collect food waste from restaurants and other premises," she said.

She added that the facility started operations in July 2022.

Ani advised the people to buy only the amount of food they required from bazaars.

MPAJ's Solid Waste and Public Cleansing Department is carrying out the Zero Waste Campaign at the bazaar in conjunction with Ramadan.

This campaign aims to educate, teach and disseminate information to bazaar visitors on separating their food waste from regular waste.

The department also carries out cleaning activities around the site of the bazaar after daily operations are over.

THE STAR

Tarikh: 21 MAR 2024

RAMADAN DONATIONS ✓

> Those with old clothes which are still in good condition can donate them to the Kinrara Community Service Centre for its #Meaningful Ramadan campaign from 10am to 5pm on Mondays to Fridays until March 31.

> Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) is inviting the public to donate basic necessities for orphanages under its 'Program Kongsi Rezeki' until March 31. Donations can be made at MPAJ's Youth, Public and Landscaping Department. For details, call 011-7302 4108.

THE STAR

Tarikh: 21 MAR 2024

No approval given for RM10 collection

DBKL clarifies new welfare association to deal only with OUG market management

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasripriya@thestar.com.my

KUALA Lumpur City Hall (DBKL) has not granted any individual or association the authority to collect funds from Taman Overseas Union (OUG) morning street market traders to clean up the site.

In a press statement, DBKL said all cleaning activity at the market in Seputeh would be carried out according to a schedule with cooperation between the traders and Alam Flora Sdn Bhd.

The local authority said this in response to a protest by traders who complained that individuals claiming to be from Persatuan Kebajikan Usahawan OUG Kuala Lumpur were collecting RM10 from them daily for clean ups.

The DBKL statement also clarified that the association was formed to only coordinate the management and activities of the OUG morning street market and not for clean-up work.

Last Saturday, some traders



The Taman Overseas Union morning street market has some 300 traders operating at the site. — Photos: AZHAR MAHFOF/The Star

objected to the money collected by these individuals as they claim this was inappropriate.

Persatuan Penjaja Pasar Pagi OUG advisor Tony Tan, who represented the group, said the daily collection of money from the traders had caused unrest. "Some people claiming to be

from Persatuan Kebajikan Usahawan OUG Kuala Lumpur visited each business lot to ask for money.

"The traders had not even started their business for the day.

"Why should they pay this third party?



Tan (right) collecting signatures from traders at OUG morning market to object to the third party collecting money from them for cleaning purposes.

"Traders have licences from City Hall and they pay what is necessary to the authorities," he said.

Tan said the traders were aware that no one should be collecting money from them.

He also claimed that the individuals had threatened the traders, saying that they would lose their trading lots if they did not pay the RM10.

He said the morning market had about 300 traders.

THE STAR

Tarikh: 21 MAR 2024



**STAR METRO
WATCH**

TRANSPORT SURVEY ✓

Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is conducting a survey on GOKL bus services to gain insight on how it can be improved. To participate, visit <https://forms.gle/6HWt2cbWnJBLDgNW6>. Survey period ends May 31.

THE STAR

Tarikh: **2.1 MAR. 2024.**

Economy likely to grow by 4% to 5% this year ^{Star} 21/3

PETALING JAYA: The country's growth will be driven mainly by resilient domestic expenditure, with additional support emanating from the expected recovery in exports.

According to the "Economic and Monetary Review 2023" report, sustained employment and wage increases will continue to bolster household spending.

Tourist arrivals and expenditures are anticipated to see further improvement.

It noted that investment activity will be fuelled by the continued progress of multi-year projects in both the private and public sectors, with some support from the implementation of catalytic initiatives under the national master plans.

Nevertheless, domestic growth remains subject to downside risks from both external and domestic factors.

Malaysia's strong economic fundamentals, resilient economic growth and stable external sector indicate that the ringgit is undervalued at its current level.

The recent movement of the ringgit is

primarily influenced by short-term factors, such as aggressive monetary policy tightening by the US Federal Reserve and shifting financial market expectations, according to the report.

Bank Negara is committed to playing its part to preserve confidence in the ringgit.

The central bank has collaborated with the government to increase inflows that would allow the ringgit to appropriately reflect the fundamentals and prospects of the Malaysian economy.

Government-linked companies (GLCs) and government-linked investment companies (GLICs) have been encouraged to consistently repatriate foreign investment income and convert it to ringgit.

Bank Negara has also stepped up engagements with resident exporters and monitors their conversion of export proceeds to ringgit, because conversion behaviour has an impact on the exchange rate.

These actions are contributing to greater and sustained inflows, lending support to a firmer ringgit.

The central bank also continues to advocate greater use of local currency when settling export or import payments either via the Local Currency Settlement Framework or normal correspondent banking channels to reduce US dollar dependence.

Bank Negara has also intensified engagements with various stakeholders – including business owners, financial market analysts and politicians – to further deepen its understanding of challenges faced in this environment, as well as to share Bank Negara's perspectives and responses to manage the pressures on the ringgit.

Beyond these short-term measures, the government is pursuing structural reforms that will ensure fiscal sustainability, new growth areas and thus increased growth potential, as well as enhanced labour productivity and competitiveness.

The execution of the reforms should bring in more investment flows into Malaysia, and thus provide more enduring support for the ringgit in the long run.

THE STAR

21 MAR 2024

Tarikh:.....

11.5 bilion transaksi e-pembayaran ^{SH} 21/3

KUALA LUMPUR - Penggunaan pembayaran elektronik (e-pembayaran) dalam kalangan rakyat Malaysia terus meningkat pada 2023 kepada 11.5 bilion transaksi berbanding 9.3 bilion pada tahun sebelumnya, menurut Bank Negara Malaysia (BNM).

Bank pusat itu memaklumkan, ia terus mencatatkan kemajuan memuaskannya dalam mencapai sasaran Pelan Sektor Kewangan iaitu lebih daripada 15 peratus pertumbuhan tahunan terkompoun bagi transaksi e-pembayaran per kapita antara 2022 dan 2026.

"Pertumbuhan e-pembayaran telah disokong oleh aktiviti penggunaan dengan jumlah nilai transaksi e-pembayaran runcit terpilih meningkat sebanyak 17 peratus sehingga mencecah RM592 bilion, dilengkapkan dengan usaha kolektif sektor awam dan swasta bagi meningkatkan penggunaan e-pembayaran," katanya.

BNM berkata, perkhidmatan pemindahan kredit membentuk bahagian terbesar transaksi e-pembayaran

iaitu sebanyak 43 peratus.

"Antara pelbagai perkhidmatan pemindahan kredit yang ditawarkan, DuitNow Transfer tetap menjadi pilihan utama dengan kadar pertumbuhan tahunan kekal tinggi sebanyak 32 peratus (2022: 26 peratus) dan memegang 39 peratus bahagian pasaran perkhidmatan pemindahan kredit," katanya.

Bank pusat berkata, penerimaan transaksi e-pembayaran dalam kalangan perniagaan terutamanya perusahaan bersaiz kecil terus mencatatkan perkembangan.

"Khususnya transaksi DuitNow QR meningkat ketara sejak pengenalan perkhidmatan ini dipacu orang ramai yang sudah biasa menggunakan perkhidmatan itu," katanya.

Sementara itu, pada 2023, BNM terus mengkaji potensi Mata Wang Digital Bank Pusat (CBDC) terutamanya untuk menambah baik pembayaran rentas sempadan manakala penerokaan CBDC borong domestik diteruskan pada tahun sama dan akan terus dipergiat pada 2024. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 21 MAR 2024

Risiko strok haba

FOTO: BERNAMA

El Nino diramal berterusan hingga hujung bulan ini

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SHAH ALAM

84
21/3

Fenomena El Nino dengan suhu mencecah 40 darjah Celsius diramal berterusan sehingga hujung bulan ini yang boleh meningkatkan lagi ancaman strok haba kepada manusia.

Pakar Meteorologi di Pusat Penyelidikan Antarika Kebangsaan dan Institut Sains Samudera dan Bumi, Universiti Malaya, Profesor Datuk Dr Azizan Abu Samah berkata, serangan strok haba boleh berlaku dalam keadaan suhu mencecah 37 darjah Celsius dan ke atas.

"Cuaca panas gelombang haba ini sememangnya akan mendedahkan orang ramai dengan risiko terkena strok haba lebih-lebih lagi jika berada di luar pada waktu tengah hari kerana pancaran terik matahari.

"Ia diburukkan lagi sekiranya kita tidak menggunakan apa-apa pelindung seperti topi dan payung yang mengakibatkan badan dehidrasi serta ditambah lagi dalam keadaan berpuasa ketika ini," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) pada Selasa mengeluarkan amaran cuaca panas gelombang haba tahap dua di Perlis dan Pokok Sena, Kedah dengan ramalan



AZIZAN

suhu boleh mencecah sehingga 40 darjah Celsius.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan pula sebelum itu berkata, sebanyak 23 kes strok haba dilaporkan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak awal ta-

hun ini hingga 11 Mac lalu.

Mengulas lanjut Azizan bagaimanapun menjelaskan, gelombang haba berlaku ketika ini bukanlah yang terburuk pernah direkodkan.

Menurutnya, fenomena El Nino paling buruk direkodkan berlaku di Chuping, Perlis pada 15 Mac 2016 apabila suhu mencecah 41 darjah Celsius.

"Waktu itu keadaan lebih teruk berbanding sekarang kerana kurang hujan tetapi sekarang walaupun El Nino, hujan masih kerap turun yang sekali gus dapat mengawal suhu.

"Berdasarkan jangkaan El Nino Southern Oscillation (ENSO), peralihan cuaca panas ini akan berlaku pada April dan



Pemandangan kawasan sawah padi yang kering kontang berikutan cuaca panas ketika tinjauan di Perlis.

TIPS HADAPI CUACA PANAS

- Minum air kosong secukupnya (lapan gelas sehari)
- Kurangkan aktiviti di luar rumah
- Kurangkan pengambilan minuman berkafein, alkohol dan bergula
- Gunakan pendingin hawa atau kipas untuk sejukkan badan
- Pakai pakaian yang ringan, longgar dan berwarna terang
- Pakai topi atau payung untuk melindungi diri daripada pancaran matahari
- Elakkan berada di dalam kenderaan tertutup

SUMBER: Facebook Kementerian Kesihatan (KKM)

cuaca akan neutral hingga Jun sebelum diramal La Nina iaitu hujan lebat musim Timur Laut pula berlaku dari September hingga November," ujarnya.

SINAR HARIAN

Tarikh:2..1..MAR..2024....

Dalam tempoh lima hari, seramai 6.03 juta orang kemas kini maklumat

84
21/3

Pendaftaran PADU naik 1 juta

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM

Pendaftaran Pangkalan Data Utama (PADU) kini merekodkan seramai 6.03 juta orang, iaitu peningkatan satu juta berbanding 5.02 juta orang yang direkodkan sejak 15 Mac lalu.

Berdasarkan kemas kini yang diumumkan, rekod terkini itu adalah setakat Selasa.

"Tahniah diucapkan kepada rakyat Malaysia yang telah berjaya membuat pengemaskinian maklumat dalam sistem PADU.

"Sehingga 19 Mac 2024 jam 11.59 malam, jumlah rekod pengemaskinian maklumat individu adalah seramai 6.03 juta orang daripada 30.08 juta rekod individu dalam sistem PADU berdasarkan sumber data pentadbiran," menurut hantaran dimuat naik di Facebook rasmi PADU pada Rabu.

Dalam pada itu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, berdasarkan rekod, pendaftaran melibatkan kawasan-kawasan penduduk bukan Melayu



Perkongsian data PADU dimuat naik di Facebook pada Rabu

adalah rendah sekali gus menyebabkan risiko tertinggi untuk berlakunya keciciran daripada program kerajaan.

Sedangkan menurutnya, PADU diwujudkan untuk terus mengenal pasti rakyat yang memerlukan bantuan dan menghasilkan program yang bersesuaian dengan kumpulan penerima.

"Kawasan Parlimen Seputeh (202), Segambut (164), dan Bukit Bintang (104) ini yang ramai penduduknya bukan Melayu.

"Mahupun penduduk kawasan saya sendiri, ramai dalam kalangan masyarakat bukan Melayu tidak mengetahui tentang bantuan atau program yang disediakan untuk mereka," katanya menerusi hantaran di Facebook.

Sehubungan itu ujarinya, menjadi tanggungjawab bersama semua rakyat Malaysia untuk menutup jurang pendaftaran ini dan membantu seramai yang boleh yang memerlukan bantuan.

SINAR HARIAN

Tarikh:2...1...MAR...2024...

Program berlangsung
4 April depan turut
terima penyertaan
kementerian, agensi
kerajaan dan syarikat
swasta

Oleh FARHANA ABD KADIR
SHAH ALAM

Penyertaan program
World #QuranHour2024
yang bakal diadakan
pada 4 April depan di
Masjid Negara, Kuala Lumpur
dijangka mencecah lebih 4,000
orang.

Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Warisan Ummah Ikhlas
(WUIF), Marhaini Yusoff berkata,
program tersebut akan bermula
pada jam 12 tengah hari se-
hingga 1 petang.

Menurutnya, beberapa ke-
menterian dan agensi kerajaan
serta beberapa syarikat swasta
akan turut sama mengimarah-
kan program tersebut.

"Alhamdulillah pada tahun
ini kita jangkakan lebih me-
ningkat berbanding tahun lalu.

Kita berharap semua
pihak dapat bersama-
sama WUIF untuk
hadir bagi me-
nyokong program
kami.

"Dengan akses
pengangkutan di ka-
wasan tengah ban-
dar Kuala Lumpur,
kami harap orang
ramai boleh hadir
untuk bersama-
sama menghayati
Surah Al-Jumu'ah walaupun
masa yang diperuntukkan tidak
lama, tetapi inti patinya itu boleh
digunakan dalam kehidupan se-
harian.

"Program akan bermula 14
hari lagi tetapi penyertaan ham-
pir penuh kerana banyak syar-
ikat dan juga agensi kerajaan
yang berminat untuk menghadiri
majlis kali ini," katanya kepada
Sinar Harian pada Rabu.



MARHAINI

Radio Televisyen Malaysia
(RTM), TV Alhijrah, Astro Oasis
dan laman Facebook *Sinar
Harian* serta WUIF.

Menurut Marhaini, menerusi
pembacaan dan renungan al-
Quran secara kolektif, peserta
digalakkan untuk mencari pe-
mahaman yang lebih mendalam
supaya dapat menerapkan per-
kara positif dalam kehidupan
mereka.

World #QuranHour2024 terima ribuan penyertaan

Program World
#QuranHour2024
memilih Surah
Al-Jumu'ah sebagai
tema, yang bertuju-
an memupuk ke-
fahaman dan me-
mangkin perubahan
positif serta transfor-
masi masyarakat di
peringkat global.

Program ter-
sebut akan disiarkan
secara langsung di



Program World #QuranHour2024 dijangka menerima lebih banyak
penyertaan termasuk daripada pihak kementerian, agensi kerajaan
dan syarikat swasta.

Ujarnya, Surah Al-Jumu'ah
bakal membawa perubahan so-
sial dan penyatuan ummah
walaupun berbeza pendapat.

"Kita telah pun mengupas
beberapa bahagian dalam surah
tersebut menerusi misi Surah
Al-Jumu'ah untuk Ummah

#GrandReset.

"Pihak WUIF berharap de-
ngan matlamat transformasi
sosial di peringkat global akan
membawa makna lebih besar
untuk program ini bukan hanya
di peringkat kebangsaan, tetapi
juga dunia," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh:2 1 MAR 2024.....



Inflasi dijangka antara 2 dan 3.5 peratus

Sebahagian besar
cerminkan potensi
kenaikan disebabkan
rasionalisasi subsidi

KUALA LUMPUR

Inflasi keseluruhan dijangka kekal sederhana pada tahun ini, berpurata antara dua peratus dan 3.5 peratus, sebahagian besarnya mencerminkan potensi kenaikan yang disebabkan oleh rasionalisasi subsidi dalam negara.

Menurut Bank Negara Malaysia (BNM) dalam Laporan Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2023, inflasi teras dijangka berpurata antara dua peratus dan tiga peratus pada tahun ini.

"Prospek inflasi kekal amat bergantung kepada risiko peningkatan

disebabkan oleh faktor dasar dalam negeri dan pengaruh luaran.

"Dalam negeri, potensi pelarasan harga barangan keperluan akan mendorong kenaikan harga barangan yang terlibat, terutamanya barangan yang berkaitan dengan tenaga dan makanan," menurut BNM.

Yang ketara, bank pusat itu berkata, prospek inflasi bergantung kepada kemungkinan pelarasan terhadap subsidi bahan api secara menyeluruh.

Berikutan bahagian bahan api yang besar dalam kumpulan Indeks Harga Pengguna, pelarasan harga bahan api akan secara langsung menyebabkan kenaikan inflasi keseluruhan.

"Kesan daripada pelarasan harga bahan api sekali sahaja ini dijangka luput dalam tempoh setahun yang terhad dan sentimen jangka pendek yang stabil apabila kesan asas berkurangan," menurut bank pusat itu.

Bagaimanapun, BNM berkata, tahap risiko kenaikan inflasi akan bergantung kepada kesan yang sederhana yang sejajar dengan per-

tumbuhan pindahan pelarasan dasar, iaitu syarikat menaikkan harga untuk menampung kenaikan kos, lantas menyebabkan tekanan harga yang lebih meluas pada barangan lain.

Menurut bank pusat itu, dinamik upah-harga juga boleh mewujudkan risiko kebarangkalian yang kecil terhadap inflasi, meskipun risiko kesan pusingan kedua sedemikian dinilai sebagai kecil di Malaysia kerana kenaikan gaji adalah selaras dengan pertumbuhan produktiviti.

Meskipun demikian, BNM berkata, kesan jangka pendek rasionalisasi subsidi bahan api terhadap inflasi dan pertumbuhan juga akan bergantung kepada jumlah dan masa pelarasan harga tersebut.

Selain itu, skop bantuan bersasar yang diberikan seiring dengan rasionalisasi subsidi juga adalah penting, kata BNM kerana bantuan itu akan mengurangkan kesan kos yang lebih tinggi terhadap golongan yang mudah terjejas berikutan peralihan tersebut. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 21 MAR 2024

Individu tak daftar Padu mungkin terlepas bantuan, subsidi Kosmo 21/3

KUALA LUMPUR – Terdapat kemungkinan individu yang tidak mengemas kini maklumat di dalam sistem Pangkalan Data Utama (Padu) akan tertinggal daripada menerima bantuan dan subsidi kerajaan.

Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib berkata, bagaimanapun, kerajaan akan menggunakan kaedah pengintegrasian untuk membentuk data komprehensif mengikut individu dan isi rumah.

Menurutnya, sehingga 12 Mac lalu, Padu telah mengintegrasikan 314 set data pelbagai agensi

yang menjadi asas untuk membentuk profil individu yang komprehensif.

"Ini termasuk maklumat 8.6 juta pemohon Sumbangan Tunai Rahmah (STR) untuk golongan B40 warganegara Malaysia.

"Kerajaan memohon sokongan dan kerjasama semua pihak bagi meningkatkan usaha mendaftar dalam sistem Padu," katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Dalam pada itu, seramai 6.03 juta rakyat Malaysia berjaya mengemas kini maklumat dalam sistem Padu setakat 19 Mac lalu.

Menurut hantaran di laman

Facebook rasmi Padu, jumlah pengemaskinian terbaharu mencatatkan peningkatan sebanyak satu juta berbanding 5.02 juta yang direkodkan lima hari lalu.

"Tahniah diucapkan kepada rakyat Malaysia yang telah berjaya membuat pengemaskinian maklumat dalam sistem Padu.

"Sehingga 19 Mac 2024 pukul 11.59 malam, jumlah rekod pengemaskinian maklumat individu adalah seramai 6.03 juta orang daripada 30.08 juta rekod individu dalam sistem Padu berdasarkan sumber data pentadbiran," katanya.

KOSMO

Tarikh: 21 MAR 2024

Impak Dasar Gaji Progresif dinilai September

KOSMO 21/3



HANIFAH HAJAR menjawab soalan di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR - Penilaian impak projek rintis Dasar Gaji Progresif akan dilaksanakan pada September depan bagi memastikan ketersediaan dasar itu sebelum diputuskan untuk dilaksanakan secara menyeluruh.

Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib berkata, projek rintis itu akan dimulakan pada Jun hingga Ogos tahun ini.

Menurutnya, terdapat empat Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan merentasi kementerian dan agensi ditubuhkan dan sedang melaksanakan gerak kerja bagi memperincikan mekanisme pelaksanaan Dasar Gaji Progresif.

"Ia merangkumi Jawatankuasa Kerja Pembangunan Dasar, Jawatankuasa Pembangunan Sistem, Jawatankuasa Peningkatan Kemahiran dan Produktiviti serta Jawatankuasa Kerja Pan-

duan Kenaikan Gaji Tahunan," katanya.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Andi Muhammad Surjadi Bandy (**BN-Kalabakan**) bilakah Kerajaan akan melaksanakan dasar tersebut bagi mereformasi pasaran buruh selain memberikan keadilan sosial kepada pekerja sektor swasta.

Mengulas soalan tambahan Andi Muhammad bahawa dasar itu bukan bersifat mandatori, Hanifah Hajar berkata, pelaksanaan perkara tersebut dibuat secara sukarela oleh syarikat.

"Jika mereka tidak mendaftar, kita tidak boleh paksa kerana kita belum pasti bahawa ini adalah satu inisiatif yang terbaik dapat dilaksanakan.

"Oleh sebab itu, kita melaksanakan satu projek rintis dan kita akan nilai dan buat penambahbaikan yang perlu," ujarnya.

KOSMO

Tarikh: 21 MAR 2024

PAC mahu maklumat lebih tepat, pantas disalurkan kepada masyarakat

Belanja program amaran banjir RM129j tidak berbaloi

Kosmo
21/3

DEWAN RAKYAT

Oleh HARRITH HISHAM

KUALA LUMPUR — Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendapati, kos RM129 juta yang dibelanjakan kerajaan bagi Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) Fasa 1 sebagai tidak berbaloi.

Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermeyati Samsudin berkata, ia berikutan bacaan aras air banjir dan ramalan berhubung masa dan tempat berlaku banjir tidak 100 peratus tepat.

"PAC mendapati walaupun jumlah keseluruhan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan telah dibayar melalui pemotongan bayaran kemajuan kontraktor, kelewatan pemasangan sistem PRAB menjejaskan kehidupan sosial dan ekonomi rakyat yang terkesan dengan banjir," katanya dalam satu laporan bertulis di Dewan Rakyat di sini semalam.

Menurutnya, dalam prosiding pada 16 Januari lepas, PAC dimaklumkan, anggaran jumlah diperuntukkan bagi pembangu-



SUASANA di sekitar bandar Kuala Lumpur yang dilanda banjir akibat hujan lebat pada 26 Disember tahun lalu.

— PUOTRA HAIRRY

nan PRAB fasa 1, fasa 2 dan fasa 3 adalah RM1.065 bilion.

"Atas sebab itu, PAC mahu baki pembangunan bagi PRAB fasa 2 dan fasa 3 disiapkan mengikut masa, kos, kualiti dan peruntukan ditetapkan, sekaligus merealisasikan matlamat PRAB iaitu menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran banjir yang efektif dan berkesan kepada orang awam," katanya.

Berdasarkan prosiding itu, PAC merumuskan terdapat kelemahan dalam pengurusan projek menyebabkan kelewatan kerja di Lembangan Sungai Kelantan dan Terengganu sebanyak 1,829 hari, manakala di

Lembangan Sungai Pahang pula sebanyak 1,836 hari.

Ujarnya, kelemahan kontrak PRAB yang tidak memasukkan klausa 'kena denda' juga mengakibatkan penyelenggaraan pencegahan tidak dilaksanakan.

"Walaupun PRAB Fasa 1 menelan belanja RM129 juta, ia masih tidak efektif dari segi hebahan amaran banjir kepada masyarakat memandangkan medium digunakan tidak selaras dengan peredaran masa yang memerlukan penyaluran maklumat lebih pantas.

"Pencapaian ketepatan ramalan amaran banjir yang rendah iaitu 5.6 peratus adalah tidak

mencapai sasaran seperti dikehendaki di dalam PRAB," jelasnya.

Tambahnya, penaiktarafan rangkaian 3G ke 4G di bawah Program Pelan Jalinan Digital Negara (Jendela) menyebabkan berlaku masalah penghantaran data dari stesen ke gateway yang tergantung melebihi tempoh tiga bulan kerana kontrak PRAB yang menggunakan rangkaian semasa iaitu 2G atau 3G.

"Kos PRAB Fasa 2 yang asalnya RM385 juta meningkat kepada RM522 juta berikutan penambahan sistem siren, kamera web dan program Communication, Educational and Public Awareness (CEPA)," ujarnya.

KOSMO

Tarikh: 21 MAR 2024

10 penjawat awam direman, terima rasuah lebih RM3 juta

10880
21/3

PUTRAJAYA — Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 10 penjawat awam selepas disyaki menerima rasuah lebih RM3 juta daripada sindiket penyeludupan tembakau, rokok dan arak secara haram.

Mereka yang terdiri daripada sembilan lelaki dan seorang wanita direman selama empat hari bermula semalam.

Menurut sumber, kesemua suspek berusia dalam lingkungan 30-an hingga 50-an ditahan ketika hadir di Ibu Pejabat SPRM bagi dirakamkan keterangan petang kelmarin.

Tangkapan itu dibuat susulan Op Samba 2.0 yang dijalankan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM dan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Bank Negara Malaysia sejak minggu lalu.

Suspek dipercayai menerima rasuah lebih RM3 juta daripada sindiket bagi memudahkan aktiviti menyeludup barangan itu sejak 2017 hingga

2023," katanya.

SPRM turut merampas barangan seperti telefon bimbit dan membekukan akaun bank kesemua suspek.

Sebelum ini, AML SPRM menahan 11 individu termasuk lima penjawat awam.

Modus operandi sindiket adalah menggunakan khidmat 'forwarding agent' sebagai orang tengah bagi pembayaran habuan kepada penguat kuasa untuk melicinkan jenayah itu.

Sindiket dipercayai menggunakan akaun keldai untuk melakukan transaksi pembayaran wang rasuah kepada penjawat awam yang bersekongkol dengan mereka.

Sindiket juga dikesan terabit aktiviti pengubahan wang haram dengan mencuci duit menggunakan akaun perniagaan 'syarikat hantu' melalui pengurus wang dan syarikat pinjaman wang berlesen.

Pengarah AML SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin mengesahkan penahanan itu.

KOSMO

Tarikh: ...2.1 MAR 2024

Oleh Raja Noraina Raja
Rahim dan Muhaamad
Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sindiket penye-
dupan tembakau, ro-
kok dan arak yang
merasuah pegawai dan
anggota penguat kuasa di-
kesan membeli hartanah
menggunakan hasil pe-
nyeludupan itu.

Sumber berkata, modus
operandi sindiket itu ter-
bongkar menerusi siasa-
tan yang dijalankan oleh
Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia (SPRM).

"Sindiket itu mengguna-
kan khidmat 'forwarding
agent' sebagai orang te-
ngah bagi membuat tran-
saksi pembayaran rasuah
untuk melicinkan proses
kemasukan dan penyelu-
dupan kargo berisi bara-
ngan seludup.

"Ejen berkenaan pula
menggunakan wang yang
dibekalkan sindiket itu un-
tuk merasuah pegawai
agensi penguat kuasa de-
ngan membuat peminda-
han wang menggunakan
akaun keldai," katanya.

Mengulas lanjut, sumber

Guna akaun 'orang tengah' bayar rasuah

**SPRM tahan 15 penjawat awam terbabit suapan RM3 juta
dengan penyeludup tembakau, rokok, arak secara haram**



ANTARA suspek disyaki menerima rasuah RM3 juta daripada sindiket penyeludupan dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, untuk permohonan reman.

berkata, pegawai penguat
kuasa yang menerima ra-
suah akan melicinkan ke-
masukannya kargo tanpa me-
lalui pengisytiharan dan

pemeriksaan yang sepa-
tutnya.

Susulan itu, katanya, se-
ramai 15 lagi penjawat
awam ditahan SPRM, kel-

marin kerana disyaki me-
nerima rasuah lebih RM3
juta daripada sindiket.

Menurutnya, penahanan
dibuat Bahagian Pencega-

han Pengubahan Wang
Haram (AML) SPRM su-
sulan Op Samba 2.0 yang
dijalankan bersama Lem-
baga Hasil Dalam Negeri

(LHDN) dan Bank Negara
Malaysia (BNM) sejak 11
Mac lalu.

"Hasil penahanan itu,
AML SPRM turut meram-
pas barangan seperti te-
lefon bimbit serta mem-
bekukan akaun bank ke-
semua suspek," katanya.

Katanya, seramai 10 sus-
pek termasuk seorang wa-
nita direman selama em-
pat hari sehingga Sabtu
ini, manakala lima lagi in-
dividu dibebaskan dengan
jaminan.

Perintah reman dike-
luarkan Majistret Irza Zu-
laikha Rohanuddin selepas
permohonan dibuat SPRM
di Mahkamah Majistret
Putrajaya, di sini.

Sementara itu, Pengarah
AML SPRM, Datuk Moha-
mad Zamri Zainul Abidin
ketika dihubungi meng-
esahkan penahanan reman
10 suspek itu, manakala li-
ma suspek dibebaskan de-
ngan jaminan SPRM.

Beliau berkata, kes di-
siasat mengikut Seksyen
17(a) Akta SPRM 2009.

Sebelum ini, SPRM su-
dah menahan reman 11 in-
dividu termasuk lima
orang penjawat awam bagi
membantu siasatan kes
berkenaan.

HARIAN METRO

Tarikh: ...2.1.MAR...2024.

Penguat kuasa SPRM disyaki rasuah

Kota Kinabalu: Seorang pegawai penguat kuasa ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki menerima wang rasuah secara bulanan diberikan syarikat pengurup wang.

Lelaki berusia 40-an itu disyaki menerima wang rasuah sebagai balasan bagi melindungi perniagaan syarikat berkenaan.

Menurut sumber, pegawai penguat kuasa terbabit dipercayai menerima wang rasuah secara bulanan.

Katanya, setiap transaksi secara pindahan wang bulanan membabitkan jumlah sebanyak RM500. Perbuatan itu dipercayai dilakukan sekitar tahun 2020 sehingga 2021.

"Suspek ditahan jam 9 pagi kelmarin ketika hadir bagi memberi keterangan di SPRM Sabah," katanya semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk Karunanithy Y Subbiah ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu.

HARIAN METRO
Tarikh: 21 MAR 2024

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berpandangan kos RM129 juta yang dibelanjakan kerajaan bagi Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) Fasa 1 sebagai tidak berbaloi.

Pengerusi PAC Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata, ini disebabkan ketepatan aras air banjir dan ramalan berhubung bila, serta di mana berlakunya banjir atau dikenali sebagai HIT tidak 100 peratus tepat.

Selain itu, PAC juga mendapati bahawa walaupun jumlah keseluruhan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) telah dibayar melalui pemotongan bayaran kemajuan kontraktor, kelewatan bagi pemasangan sistem PRAB tidak sepatutnya berlaku kerana ia telah menjejaskan kehidupan sosial dan ekonomi rakyat yang terkesan dengan banjir," katanya dalam kenyataan, semalam.

PAC sudah mengadakan prosiding pada 16 Januari

PROGRAM RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA FASA 1

Belanja RM129 juta tidak berbaloi: PAC

lalu berhubung PRAB di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) yang kini dikenali sebagai Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Antara saksi yang dipanggil seperti Ketua Setiausaha NRECC, Dr Ching Thoo Kim; Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ahmad Anuar Othman dan Pengarah Kanan Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr Fariza Yunus.

Mengulas lanjut, Mas Ermieyati berkata, dalam prosiding yang diadakan itu, pihaknya dimaklumkan anggaran jumlah yang diperuntukkan bagi pembangunan PRAB Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 adalah RM1.065 bilion.

"Atas sebab itu, PAC mahu baki pembangunan bagi PRAB Fasa 2 dan Fasa 3

disiapkan mengikut masa, kos, kualiti dan peruntukan yang telah ditetapkan.

"Ia sekali gus merealisasikan matlamat PRAB iaitu menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran banjir yang efektif dan berkesan kepada orang awam," katanya.

Menurutnya, berdasarkan prosiding yang diadakan, PAC juga memberikan beberapa rumusan antaranya, kelemahan dalam pengurusan projek telah menyebabkan kelewatan kerja di Lembangan Sungai Kelantan dan Terengganu sebanyak 1,829 hari, manakala kerja di Lembangan Sungai Pahang pula mengalami kelewatan 1,836 hari.

Katanya, penaiktarafan rangkaian 3G ke 4G di bawah Program Pelan Jalinan Digital Negara (Jendela) pula menyebabkan berlaku masalah penghantaran da-

ta dari stesen ke gateway yang tergantung melebihi tempoh tiga bulan berturut-turut kerana kontrak PRAB yang menggunakan rangkaian semasa iaitu 2G atau 3G.

"NRECC melalui JPS telah menaik taraf Remote Terminal Unit (RTU) menggunakan liputan komunikasi 4G di 39 stesen daripada 118 stesen bagi menangani isu kelewatan penerimaan data dan isu data tidak diterima.

"Kos PRAB Fasa 2 yang asalnya berjumlah RM385 juta meningkat kepada RM522 juta berikutan penambahan sistem siren, kamera web dan program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CE-PA)," katanya.

Mas Ermieyati berkata, sebagai langkah penambahbaikan terhadap PRAB, PAC mengesyorkan PETRA dan JPS agar memastikan

baki 79 stesen daripada 118 stesen melaksanakan penukaran RTU dengan kadar segera bagi memastikan PRAB dapat berfungsi dengan sempurna.

"PETRA dan JPS perlu memastikan segala kontrak yang dirangka mengambill kira perkembangan teknologi dan kesan jika berlaku kelewatan pelaksanaan ke atas projek.

"PETRA dan JPS perlu memastikan PRAB Fasa 2 dan Fasa 3 disiapkan mengikut masa, kos, kualiti dan peruntukan yang telah ditetapkan.

"JPS perlu memastikan penyenggaraan pencegahan dilaksanakan mengikut jadual dan kontraktor dipilih layak serta kompeten untuk melaksanakan penyenggaraan PRAB, selain memastikan segala peralatan di stesen dilindungi dengan sewajarnya," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh: ...2...1...MAR...2024

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

INDIVIDU TAK KEMAS KINI MAKLUMAT PADU

Boleh tercicir terima bantuan

AM
1/3

Kuala Lumpur

Terdapat kemungkinan individu tidak mengemas kini maklumat dalam sistem Pangkalan Data Utama (Padu) akan tercicir daripada menerima bantuan dan subsidi kerajaan, kata **Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib**.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan masih mempunyai kaedah alternatif yang boleh digunakan melalui pengintegrasian data pentadbiran daripada pelbagai agensi sektor awam.

"Ini termasuk kerajaan negeri dan tempatan serta agensi GLC dan GLIC yang terdapat dalam Padu bagi membentuk data yang komprehensif mengikut individu dan isi rumah," katanya dalam sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Shafizan Kepli (GPS-Batang Lupar)** mengenai apakah alternatif buat in-

dividu yang tidak dapat mendaftar dalam Padu atas pelbagai sebab.

Shafizan turut bertanya apakah terdapat jaminan mereka tidak akan ketinggalan daripada mendapat kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan.

Mengulas lanjut, Hanifah berkata, sehingga 12 Mac lalu, Padu sudah mengintegrasikan 314 set data pelbagai agensi yang menjadi asas untuk membentuk profil individu yang komprehensif.

"Ini termasuk maklumat 8.6 juta pemohon Sumbangan Tunai Rahmah (STR) untuk golongan B40 warga Malaysia," katanya.

Menurutnya, setakat kelmarin, hampir 6.03 juta atau 27.4 peratus warga-negara dan penduduk tetap di Malaysia sudah mendaftar dalam Padu.

Katanya, kerajaan melaksanakan pelbagai inisia-

tif bagi pendaftaran dan pengemas kini Padu terutama untuk rakyat di kawasan luar bandar dan pedalaman.

"Ia seperti membuka kaunter Padu di pelbagai lokasi, antaranya di 911 buah Pusat Ekonomi Digital (PEDi) dan 27 buah Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Luar Bandar (RTC) serta pejabat kesihatan, pejabat khidmat parlimen dan Adun.

"Keduanya, melibatkan secara langsung penghulu, ketua kampung, tuai rumah dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bersama Jabatan Pe-

rangkaan Negeri bagi menjejaki kawasan penempatan yang sukar diakses.

"Ketiga, melaksanakan program bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) negeri bagi mendekati Orang Asli," katanya.



HARIAN METRO
Tarikh: 21 MAR 2024

Oleh Mahaizura Abd
Malik dan Siti
Norhidayah Mohd Yunus
bisnes@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ringgit Malaysia di-
jangka terus mengu-
kuk sehingga 2025
didorong kesan faktor glo-
bal yang semakin mereda.

Gabenor Bank Negara
Malaysia (BNM) Datuk
Shaik Abdul Rasheed Abdul
Ghaffour berkata, pasaran
keuangan menjangkakan
ringgit terus menambah
nilai pada tahun 2024.

"Trend penambahan ni-
lai ini akan berterusan be-
rikutan kesan faktor global
menjadi semakin reda.

"Beberapa penganalisis
membuat unjuran sehing-
ga tahun 2025 dan menilai
ringgit akan terus kukuh,"
katanya pada sidang media
ketika membentangkan
Laporan Tahunan 2023,
Tinjauan Ekonomi dan
Monetari 2023 serta Tin-
jauan Kestabilan Kewa-
ngan untuk Separuh Kedua
2023 di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau
berkata, BNM memantau
secara rapat syarikat korp-
orat, pengimport dan pe-
ngeksport supaya menukar
wang pendapatan pelabu-
ran luar negara mereka ke-
pada ringgit bagi menyok-
ong pertumbuhan ringgit.

Katanya, pemantauan
BNM mendapati terdapat
trend untuk memegang
mata wang asing lebih la-
ma kerana syarikat korp-
orat atau pengeksport me-
ngambil masa untuk me-
nukar perolehan mereka ke
ringgit.

"Tindakan ini akan me-
nyumbang kepada ketidak-
seimbangan dalam pasa-
ran pertukaran mata wang
asing.

"Saya gesa semua perni-
agaan meliputi pelbagai sek-
tor untuk melakukan baha-
gian mereka bagi memas-
tikan hasil daripada eksport
dan pendapatan dari pela-



'Perlu' ada ketika Ramadan

PENIAGA buah kantor, Syed Dollah Syed Mansur, 42, menjual buah kantor sempena Ramadan di tepi jalan utama di Kampung Tua, Tanjung Belanja di Parit, semalam. Permintaan tinggi terhadap buah itu yang rupanya seperti agar-agar itu menjadi tradisi masyarakat daerah Perak Tengah yang hanya dihasilkan setahun sekali iaitu pada bulan Ramadan. Walaupun proses untuk mendapatkan buah itu yang juga dikenali sebagai buah Kantor atau Kantor bagi masyarakat di sini rumit atau 'renyah' namun hasil bakal diperoleh boleh dikatakan sangat lumayan. Lazimnya di Perak Tengah, buah terbit hanya boleh didapati setiap Ramadan kerana permintaannya lebih tinggi berbanding hari biasa malah menjadi tradisi masyarakat di sini bahawa buah Kantor 'perlu' ada ketika Ramadan.

FAKTOR GLOBAL YANG SEMAKIN MEREDA

HM 21/3

RINGGIT DIUNJUR TERUS MENGUKUH

buran di luar negara ditukar
ke mata wang negara.

"Tindakan ini menyum-
bang kepada hasil yang po-
sitif malah BNM memer-
hatikan aliran dan minat
pasaran terhadap pembe-
lian ringgit semakin me-
ningkat," katanya.

Beliau berkata, dasar

monetari BNM akan terus
berpandangan ke hadapan
dengan memberi tumpuan
kepada trajektori
pertumbuhan
dan inflasi.

"Biarpun
asas eko-
nomi Ma-
laysia ku-

kuh dan prospek pertum-
buhan positif, paras
ringgit semasa berada di
bawah nilai saksa-
ma.

"Justeru,
selain men-
jalankan
operasi
pertuka-

ran asing, BNM terlibat se-
cara aktif dengan syarikat
berkaitan kerajaan (GLC)
dan syarikat pelaburan
berkaitan kerajaan (GLIC)
untuk menggalakkan pen-
dapatan pelaburan asing
dibawa balik dan ditukar
dengan lebih konsisten
kepada ringgit," katanya.

Aliran dan minat
pasaran terhadap
pembelian ringgit
semakin meningkat

HARIAN METRO
Tarikh: 21 MAR 2024

Ramalan bencana tidak tepat, RM129 juta untuk program amaran banjir fasa 1 tak berbaloi: PAC

Oleh **Nor Azizah Mokhtar**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendapati RM129 juta dibelanjakan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) untuk Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) Fasa 1, tidak berbaloi. Pengerusinya, Datuk Mas Er-

meyati Samsudin, berkata ketepatan mengenai aras air banjir dan ramalan berhubung bila dan di mana akan berlaku banjir atau 'HIT' melalui program itu, tidak 100 peratus tepat.

Dapatan berkait PRAB itu dibentangkan selepas PAC mengadakan prosiding pada 16 Januari lalu dengan memanggil tiga saksi.

Mereka ialah Ketua Setiausaha NRECC, Dr Ching Thoo a/l

Kim; Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Dr Ahmad Anuar Othman dan Pengarah Kanan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Dr Fariza Yunus.

Pada prosiding itu, PAC dimaklumkan anggaran peruntukan bagi pembangunan PRAB Fasa 1, 2 dan 3 adalah RM1.065 bilion.

Nasional 5

BERITA HARIAN

Tarikh.....2...1...MAR...2024.....

Kelemahan pengurusan projek punca lewat

Dari Muka 1

Justeru, PAC mahu baki pembangunan PRAB Fasa 2 dan 3 disiapkan mengikut masa, kos, kualiti dan peruntukan ditetapkan, selaras matlamat menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran banjir efektif dan berkesan kepada rakyat.

Untuk rekod, NRECC kini dikenali sebagai Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Mas Ermiyati berkata, meskipun jumlah keseluruhan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) sudah dibayar melalui pemotongan bayaran kemajuan kontraktor, kelewatan pemasangan sistem PRAB tidak sepatutnya berlaku.

"Ia menjejaskan kehidupan sosial dan ekonomi rakyat yang terkesan banjir," katanya menambah, hasil prosiding 16 Ja-

nuari lalu, PAC membuat tujuh rumusan.

Yang pertama, kelemahan dalam pengurusan projek menyebabkan kelewatan kerja di Lembangan Sungai Kelantan dan Terengganu sebanyak 1,829 hari, manakala kerja di Lembangan Sungai Pahang lewat 1,836 hari.

Naik taraf rangkaian 3G ke 4G di bawah Program Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) menyebabkan masalah penghantaran data dari stesen ke gateway yang tergantung lebih tiga bulan berturut-turut kerana kontrak PRAB guna rangkaian semasa, iaitu 2G atau 3G.

Rumusan ketiga, NRECC melalui JPS menaik taraf *Remote Terminal Unit* (RTU) menggunakan liputan komunikasi 4G di 39 daripada 118 stesen untuk menangani isu kelewatan penerimaan data dan data tidak diterima.

Selain itu, kos PRAB Fasa 2

yang asalnya RM385 juta meningkat kepada RM522 juta berikutan penambahan sistem siren, kamera web dan program *Communication, Educational and Public Awareness* (CEPA).

PAC juga merumuskan, kelemahan kontrak PRAB yang tidak memasukkan klausa 'kena denda' mengakibatkan penyanggaraan pencegahan tidak dilaksanakan.

Rumusan keenam, walaupun PRAB Fasa 1 menelan belanja RM129 juta, ia masih tidak efektif dari segi hebahan amaran banjir kepada masyarakat kerana medium digunakan tidak selaras peredaran masa yang memerlukan penyaluran maklumat lebih pantas seperti *Commercial Mobile Alert System* (CMAS).

Rumusan terakhir, pencapaian ketepatan Ramalan Amaran Banjir mengikut kawasan atau 'HIT' yang rendah, iaitu 5.6 per-

ratus tidak mencapai sasaran seperti dikehendaki dalam PRAB.

PAC syor 6 perkara

Penambahbaikan PRAB, Mas Ermiyati berkata, PAC syor enam perkara kepada kementerian itu dan JPS, antaranya perlu pastikan baki 79 daripada 118 stesen segera laksana penukaran RTU bagi memastikan PRAB dapat berfungsi dengan sempurna.

"PETRA dan JPS perlu memastikan segala kontrak di-rangka mengambil kira perkembangan teknologi dan kesan jika berlaku kelewatan pelaksanaan ke atas projek.

"Selain itu, PETRA dan JPS perlu memastikan PRAB Fasa 2 dan 3 disiapkan mengikut masa, kos, kualiti dan peruntukan yang ditetapkan," katanya.

Dalam pada itu, katanya, JPS perlu memastikan penyanggaraan pencegahan dilaksanakan

mengikut jadual dan kontraktor yang dipilih, layak serta kompeten untuk melaksanakan penyanggaraan PRAB.

"Juga memastikan segala peralatan di stesen dilindungi sewajarnya. PETRA dan JPS perlu meningkatkan program CEPA dan menambah baik hebahan amaran awal banjir bagi meningkatkan tahap kesedaran komuniti berkaitan.

"PETRA perlu memastikan PRAB Fasa 2 dan 3 di Sabah dan Sarawak menggunakan teknologi berkesan, mampu mengatasi masalah ketika Fasa 1 dan memastikan infrastruktur sokongan telah tersedia," katanya.

Bagi memastikan kedua-dua pihak mengambil tindakan atas syor diberikan, katanya, PAC memberi tempoh dua bulan kepada PETRA dan JPS sebelum dipanggil semula untuk prosiding tindakan susulan.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 21 MAR 2024

Faktor kitaran pengaruhi prestasi ringgit sejak 2022

Pergerakan prestasi ringgit sejak 2022 banyak dipengaruhi terutama oleh faktor kitaran, demikian menurut Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Ghaffour.

Beliau berkata, faktor jangka pendek yang utama ialah dasar monetari diketatkan secara agresif oleh Rizab Persekutuan (Fed) dan jangkaan pasaran kewangan yang berubah berikutan prospek dasar monetari Amerika Syarikat (AS).

Katanya, dalam pasaran pertukaran asing, pergerakan ringgit dalam jangka masa panjang adalah berteraskan asas ekonomi negara.

Namun, katanya faktor jangka pendek seperti perbezaan kadar faedah, perkembangan

geopolitik serta turun naik dalam kegiatan ekonomi dan sentimen dalam negeri dan global boleh menyebabkan nilai ringgit menyimpang daripada nilai saksamanya.

"Inilah yang terjadi baru-baru ini apabila perkara yang berlaku pada peringkat global mempengaruhi ringgit dengan ketara.

"Seiring dengan mata wang serantau lain, ringgit mengalami tekanan penurunan nilai disebabkan terutama oleh dasar pengetatan monetari secara agresif di ekonomi maju.

"Situasi ini berlarutan hingga 2023, didorong oleh peningkatan lanjut kadar faedah global, kelembapan ekonomi China dan ketegangan geopolitik di Asia Barat," katanya pada sidang media

Laporan Tahunan 2023, Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2023 dan Tinjauan Kestabilan Kewangan bagi Separuh Kedua 2023 di Kuala Lumpur, semalam.

Abdul Rasheed berkata, walaupun kebanyakan ekonomi utama termasuk negara serantau menaikkan kadar faedah secara agresif, BNM masih mengekalkan kenaikan beransur-ansur Kadar Dasar Semalaman (OPR).

Beliau berkata, ini kerana bank pusat berpendapat langkah itu lebih sesuai dengan keadaan negara iaitu tekanan harga dan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana berikutan pelarasan semula dasar monetari secara awal.

"Berdasarkan faktor itu, BNM yakin bahawa pergerakan

ringgit sejak kebelakangan ini tidak mencerminkan asas ekonomi Malaysia atau prospek ekonomi negara yang positif.

"Berikutan kitaran pengetatan dasar monetari global mungkin telah mencapai tahap tertinggi, pasaran kewangan menjangkakan tekanan terhadap ringgit akan berkurang," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, tindakan secara kolektif diperlukan bagi melindungi nilai ringgit dan BNM komited memajukan peranannya dalam usaha mengekalkan keyakinan terhadap mata wang tempatan itu.

Katanya, BNM telah bekerjasama dengan kerajaan untuk meningkatkan aliran masuk yang akan membolehkan nilai ringgit

mencerminkan asas dan prospek ekonomi Malaysia dengan sewajarnya.

"Dalam hal ini, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) digalakkan untuk membawa balik pendapatan pelaburan asing dan menukarkannya kepada ringgit secara konsisten.

"Selain itu, BNM meningkatkan libat urus dengan pengeksport dan pelabur antarabangsa untuk terus menggalakkan penarikan mata wang dan menekankan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

"Semua tindakan ini menyumbang kepada aliran masuk yang lebih besar dan berterusan lantas menyokong nilai ringgit yang lebih kukuh," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh.....21 MAR 2024.....

bt 2/3



Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2023

Ekonomi Malaysia ada ruang terus berkembang

Permintaan domestik berdaya tahan pemacu utama pertumbuhan 2024

Oleh Alzahrin Alias dan
Hazwan Faisal Mohamad
bhbiz@bh.com.my

Ekonomi Malaysia masih mempunyai ruang untuk pertumbuhan pada 2024 walaupun persekitaran luaran kekal tidak menentu ketika ini.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Ghaffour, berkata ekonomi dijangka berkembang antara empat hingga lima peratus disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri dan peningkatan

permintaan luaran.

Beliau berkata, permintaan luaran bertambah baik susulan pemulihan perdagangan global dan peningkatan kitaran teknologi, memberikan manfaat kepada Malaysia kerana kedudukan negara dalam rantaian bekalan semikonduktor.

Katanya, ia sekali gus akan memberikan kesan limpahan positif terhadap eksport dan pengeluaran negara kerana berdasarkan data WSTS, jualan semikonduktor global diunjurkan naik 13.1 peratus tahun ini.

"Malah, sektor pelancongan juga akan memperoleh manfaat daripada sektor pelancongan global yang dijangka pulih ke tahap sebelum pandemik. Kedatangan pelancong dijangka akan sekitar 27.3 juta orang pada 2024.

"Selain permintaan luaran lebih menggalakkan, permintaan dalam negeri yang berdaya tahan akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan.

"Perbelanjaan isi rumah katanya akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik berikutan pemulihan berterusan dalam sektor berkaitan dengan pelancongan serta aktiviti pengeluaran dan perdagangan yang lebih tinggi," katanya selepas sidang media Laporan Tahunan 2023, Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2023 dan Tinjauan Kestabilan Kewangan bagi Separuh Kedua 2023 di Kuala Lumpur, semalam.

Pertumbuhan pelaburan

Abdul Rasheed berkata, ekonomi turut disokong oleh pertumbuhan pelaburan daripada projek berbilang tahun yang terus dilaksanakan merentas sektor awam dan swasta.

Beliau berkata, inisiatif pemangkin di bawah pelan induk strategik seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) turut

akan membantu ekonomi negara.

Namun, katanya, BNM turut menyedari terdapat risiko pertumbuhan menjadi perlahan kerana sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, Malaysia akan terkesan oleh perkembangan ekonomi global.

"Kadar faedah yang berlarutan tinggi, terutamanya dalam ekonomi maju mampu menjejaskan pertumbuhan global," katanya.

Beliau berkata, konflik geopolitik yang semakin meruncing boleh menjejaskan perdagangan global, seterusnya melembapkan perdagangan dan pengeluaran Malaysia.

"Namun, asas ekonomi Malaysia membolehkan kita menghadapi cabaran getir ini. Bagaimanapun, terdapat juga peluang bagi prospek pertumbuhan Malaysia.

"Peluang ini termasuk limpahan positif daripada peningkatan kitaran teknologi global, aktiviti pelancongan yang lebih kukuh

dan pelaksanaan projek pelaburan sedia ada dan baharu yang lebih pantas," katanya.

Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2023 menunjukkan penggunaan swasta diunjurkan meningkat sebanyak 5.7 peratus pada 2024 disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang terus bertambah baik.

BNM berkata, pertumbuhan guna tenaga dijangka terus berkembang, disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap pekerja manakala kadar pengangguran diunjurkan berkurang kepada 3.3 peratus.

Sementara itu, pertumbuhan pendapatan diunjurkan akan didorong oleh upah yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan perkhidmatan.

Langkah kerajaan, termasuk peluasan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan pembayaran insentif awal kepada penjawat awam, juga dijangka menyokong perbelanjaan isi rumah.

Transaksi guna DuitNow QR meningkat kepada RM14.6b

bt 21/3

Pertumbuhan kukuh dipacu kadar penembusan telefon pintar serta capaian internet tinggi

Oleh Hazwan Faisal Mohamad dan Alzahrin Alias
bhbiz@nstp.com.my

Transaksi DuitNow QR meningkat lebih dua kali ganda kepada 360 juta bernilai RM14.6 bilion pada 2023 berbanding 125 juta transaksi RM5.5 bilion pada 2022.

Bank Negara Malaysia (BNM) dalam Laporan Tahunan 2023 berkata, pertumbuhan yang kukuh ini disokong oleh kadar penembusan telefon pintar yang tinggi sekitar 95 peratus dan capaian internet sekitar 97 peratus dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Hasilnya, terdapat peningkatan stabil dalam jumlah keseluruhan e-pembayaran perkapita dan tempat penerimaan DuitNow QR oleh peniaga di seluruh negara," katanya.

Sejak rangkaian pembayaran DuitNow QR dilancarkan pada 2019 oleh Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet), perkhidmatan ini terus menggalakkan ekosistem pembayaran lebih inklusif dengan penyertaan yang lebih pelbagai daripada 40 peserta bank dan bukan bank untuk memenuhi keperluan segmen pasa-



Pelanggan semakin selesa menggunakan DuitNow QR ketika membuat pembayaran. (Foto BERNAMA)

ran berbeza.

DuitNow QR direka bentuk untuk memudahkan transaksi pembayaran merentas pelbagai e-dompot berbeza yang dikeluarkan oleh bank dan bukan bank.

Sistem saling boleh kendali ini memberikan kemudahan dan pilihan lebih banyak kepada peniaga serta pengguna.

Keadaan ini memupuk persaingan penyedia e-dompot untuk memacu penawaran produk inovatif kepada pelbagai segmen peniaga.

DuitNow QR juga direka bentuk sebagai kaedah pembayaran lebih berkesan dari segi kos, berbanding pembayaran seperti tu-

nai atau kad pembayaran.

Sebagai contoh, penggunaan pembayaran kod QR tidak memerlukan peniaga menanggung kos sewa bulanan terminal semasa jualan yang lazimnya diperlukan untuk penerimaan kad pembayaran.

Kurang halangan e-pembayaran

Secara kolektif, faktor ini mengurangkan halangan penerimaan e-pembayaran dalam kalangan peniaga, terutama peniaga lebih kecil.

Hal ini seterusnya menggalakkan penggunaan e-pembayaran lebih meluas dengan merentasi langkah terakhir dalam

penerimaan e-pembayaran.

Bagi mana-mana infrastruktur pembayaran, memastikan keselamatan, kukuh dan kebolehpenerimaan sistem pembayaran adalah sangat penting.

Hal ini memerlukan pelaburan berterusan, terutama untuk memperkukuhkan keselamatan siber dan kawalan pencegahan penipuan.

Adalah amat penting kawalan ini memiliki piawaian tinggi untuk menyediakan perlindungan terhadap ancaman terkini dan pada masa sama memastikan perkhidmatan yang cekap kepada pengguna.

Pada peringkat awal pelaksanaan DuitNow QR, PayNet dan industri memberikan pengecualian sementara terhadap transaksi DuitNow QR kepada penyedia perkhidmatan itu sebagai sebahagian daripada usaha membiasakan orang ramai dengan pembayaran DuitNow QR serta menggalakkan penggunaannya.

Hal ini membolehkan kebanyakan peniaga mengambil manfaat daripada caj kadar diskaun pedagang sifar.

Pengecualian ini yang sepatutnya ditamatkan pada 2022, telah dilanjutkan setahun lagi untuk memberikan sokongan kepada peniaga semasa tempoh pemulihan selepas pandemik.

Dengan kegiatan ekonomi kembali normal, pihak industri dengan rundingan bersama BNM memperkenalkan model lebih mampan untuk menampung semula kos berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan pembayaran DuitNow QR.

BERITA HARIAN

Tarikh.....2.1.MAR.2024.....



PENJAWAT awam yang ditahan kerana rasuah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk perintah tahanan reman. UM 21/3

10 penjawat awam ditahan, terima rasuah lebih RM3 juta

PUTRAJAYA: Seramai 10 penjawat awam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menerima rasuah lebih RM3 juta daripada sindiket penyeludupan tembakau, rokok dan arak secara haram melalui pintu masuk negara.

Tangkapan dilakukan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM susulan Op Samba 2.0 yang dijalankan bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sejak Isnin minggu lalu.

Sumber memberitahu, kes-

emua suspek lelaki berusia lingkungan antara 30-an hingga 50-an ditahan kira-kira pukul 2 petang semalam di Ibu Pejabat SPRM ketika hadir memberi keterangan.

"Siasatan awal mendapati kesemua suspek disyaki terlibat dalam perbuatan tersebut di antara tahun 2017 hingga 2023.

"Kesemua suspek yang ditahan dipercayai menerima wang rasuah lebih RM2 juta daripada sindiket bagi memudahkan kegiatan menyeludup tembakau kunyah, rokok, arak serta beberapa barangan lain," katanya.

Susulan tangkapan ini, AML

SPRM merampas barangan seperti telefon bimbit dan turut membekukan akaun bank kesemua suspek.

Sebelum ini, AML SPRM berjaya menangkap dan menahan reman 11 individu termasuk lima orang penjawat awam.

Modus operandi sindiket ini termasuk menggunakan khidmat "forwarding agent" sebagai orang tengah bagi pembayaran habuan kepada penguat kuasa untuk melicinkan proses penyeludupan arak, rokok, tembakau dan barangan lain tanpa melalui pengisytiharan serta pemeriksaan yang sepatutnya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:2..1..MAR..2024.



The Public Accounts Committee found that the medium used in the dissemination of flood warnings was not keeping pace with current technology. FILE PIC

PAC PROCEEDINGS

Nst >1/3

'RM129M FLOOD WARNING PROJECT ONLY 5.6PC ACCURATE'

Weakness found in programme's contract, which has no penalty clause, says PAC

NOR AIN MOHAMED RADHI
AND QISTINA SALLEHUDDIN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

DESPITE its substantial cost of RM129 million, the first phase of the National Flood Forecast and Warning Programme has only a 5.6 per cent accuracy rate on impending floods.

Public Accounts Committee (PAC) chairman Datuk Mas Ermieyati Samsudin said the medium used was not keeping pace with the need for rapid informa-

tion dissemination.

She said by right, the dissemination of information should be similar to the Commercial Mobile Alert System.

"The flood forecasting accuracy rate of 5.6 per cent does not meet the target as intended in the programme, despite RM129 million spent for the purpose," she said in a statement.

This was among the seven conclusions drawn by the PAC, following the 2022 Auditor General's Report that highlighted several shortcomings in the programme.

The PAC said the cost of the second phase of the programme, initially at RM385 million, had increased to RM522 million following the addition of siren systems, web cameras and the Communication, Educational and Public Awareness programme.

"The PAC also found the weakness in the programme's contract, which does not include a penalty clause, resulting in a lack of execution of preventative maintenance.

"The upgrade of the 3G network to 4G under the National Digital Network programme caused issues with data transmission from stations to the gateway to persist for more than three consecutive months.

"This was due to the contract for the programme utilising 2G or 3G network," said Mas Ermieyati.

She added that the Natural Resources, Environment and Climate Change Ministry, now known as the Energy Transition and Water Transformation Ministry, through the Drainage and Irrigation Department (DID) had upgraded the remote terminal unit to use 4G at 39 out of 118 stations to address the issue of

delayed data reception and data not being received.

As such, Mas Ermieyati said the PAC had six recommendations to address the issues.

"Among them is that (the ministry) and the DID must ensure that they carry out remote terminal unit replacements at 79 out of 118 flood warning stations. This is to ensure that the programme functions well.

"The ministry and department must ensure that all planned contracts consider technological advancement.

"The ministry and the department must also ensure that Phases Two and Three of the programme are completed on time and within budget," she said, adding that the DID must ensure that maintenance work was done according to schedule.

Mas Ermieyati said the ministry and DID had been given two months to take action, before the PAC recalled them for follow-up proceedings.

Page 1 pic: A National Flood Forecast and Warning Programme control room at the Drainage and Irrigation Department office in Ampang.



Datuk Mas Ermieyati Samsudin

		PRAYER TIMES					
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISTAK	
Melaka	6:08	7:15	1:21	4:23	7:23	8:32	
Penang	6:15	7:21	1:28	4:36	7:30	8:39	
K. Lumpur	6:10	7:16	1:23	4:28	7:26	8:34	
Johor Baru	6:01	7:09	1:15	4:16	7:17	8:25	
Kuantan	6:04	7:12	1:18	4:22	7:20	8:29	
Ipoh	6:12	7:17	1:26	4:32	7:28	8:37	

Bank Negara: Improved demand, export recovery to drive 2024 economic growth

Sun
2/3

■ BY GLORIA HARRY BEATTY
sunbiz@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Malaysia's economy is expected to expand in 2024 driven by improved domestic demand and exports recovery, said Bank Negara Malaysia (BNM).

According to governor Datuk Abdul Rasheed Ghaffour, the Malaysian economy is projected to grow between 4% and 5% in 2024, which will be supported by resilient domestic demand and improvement in external demand.

"The economy is set to improve. We expect the continued expansion in domestic demand and the recovery in exports to support economic growth this year," he told reporters when releasing BNM's 2023 annual report yesterday.

According to him, the economy continued to show strength and resilience last year, whereby growth domestic product grew by 3.7%, despite the challenging external environment.

Concurrently, Abdul Rasheed said the outlook remains subject to downside risks emanating from both domestic and global factors.

He added that BNM's monetary policy will continue to be forward-looking with a focus on the trajectory of growth and inflation.

Abdul Rasheed said the services and manufacturing industries are projected

to be the key economic drivers this year.

"The services sector, particularly consumer-related sub-sectors, will benefit from tourism activities and favourable labour market conditions. The business-related sub-sectors will be supported by better trade and construction activities.

"The manufacturing sector is expected to grow at a stronger base, this will be driven by expansion in the electrical and electronics (E&E) cluster amid the global tech cycle rebound and improvement in regional economies will also benefit the non-E&E exports.

"In addition, resource-based manufacturing will be supported by better upstream supply conditions."

However, Abdul Rasheed said, the agriculture sector is expected to register a small contraction, due to the impact from the El Nino weather phenomenon and the previous years underfertilisation of the nation's crops.

Meanwhile, headline inflation is expected to average between 2% and 3.5% in 2024 amid contained cost pressures from easing global supply conditions.

"Inflation outlook remains highly subject to upside risks due to potential price adjustments on food and energy items, as well as external pressures from exchange rate and global commodity price developments.

"It is also expected to remain moderate. These favourable economic conditions in 2024 provide a window for the implementation of structural reforms as announced by the government.

"Pursuing these reforms, such as subsidy rationalisation, is necessary for strengthening the economy post-crisis, ultimately benefitting Malaysia in the long run," the central bank governor remarked.

Bank Negara's flagship publications include its Annual Report 2023, Economic and Monetary Review 2023 and Financial Stability Review Second Half 2023.



From left: BNM deputy governors Adnan Zaylani, Mohamad Zahid and Jessica Chew, Abdul Rasheed and deputy governor Marzunisham Omar displaying Bank Negara's reports.

See
page 14

THE SUN
21 MAR 2024

Tarikh: